



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 21 SEPTEMBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	JELAJAH PRIHATIN NELAYAN, MAFI UTAMAKAN SEKURITI MAKANAN, NASIONAL, HAKAKAH-3 ALLOWANCE INCREASE SHOWS GOVT'S CONCERN, ENGLISH SECTION, HAKAKAH-27 82 USAHAWAN DITAWAR PEMBIAYAAN Rm5 JUTA, NASIONAL, BH-4	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
4. 5. 6. 7. 8.	JPV ANJUR KEMPEN CEGAH HAWAR BERDARAH, TERENGGANU, HAKAKAH-15 54 KERBAU TUNJUK PERUBAHAN POSITIF, NASIONAL, BH-20 BERTABLAH MUHAMMAD SYUKUR, FORUM, UM-18 PERAIH HAIWAN PINDAH TERNAKAN TANPA KEBENARAN DITAHAN, LOKAL, HM-18 LEGA, TIADA KERBAU MATI, LOKAL, HM-18	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
9. 10.	AGROBANK ANJUR HARI TERBUKA BANTU PELANGGAN, BISNES, BH-37 HARI TERBUKA AGROBANK, BISNES, HM-22	AGROBANK
11. 12. 13. 14. 15.	KK4 TANAM CILI, ROCK MELON DALAM BANDAR, NEGARA. KOSMO-17 BINA TUKUN GUNA TAYAR TERPAKAI, NEGARA, KOSMO-18 RAIH PENDAPATAN LUMAYAN TANAM NANAS, IGEN, KOSMO-30 ALLOWANCES INCREASE SHOWS GOVT'S CONCERN, ENGLISH SECTION, HAKAKAH-25 KERBAU MILIK MOWGLI MALAYSIA DISERANG HAWAR BERDARAH, NEGERI, HAKAKAH-23	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Jelajah Prihatin Nelayan, MAFI utamakan sekuriti makanan

Oleh SYAHIRAH SALLEH

PANDEMIK Covid-19 bukan sahaja membuktikan kecemerlangan sistem kesihatan di Malaysia, malah menjadi 'eye opener' kepada kerajaan bahawa Malaysia terlalu bergantung kepada hasil import dalam rantaian makanan negara.

Memandang serius situasi yang dihadapi negara dalam hal berkaitan sekuriti makanan, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mula meneliti aspek-aspek seperti rantaian bekalan, tenaga kerja, aplikasi teknologi, sumber kewangan, pelaburan, guna tanah dan lain-lain lagi.

Baru-baru ini kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Dasar Sekuriti Makanan Negara berdasarkan Keputusan Jemaah Menteri pada Mac dan April tahun ini yang dianggotai 11 ahli dari kementerian masing-masing.



Dato' Che Abdullah Mat Nawi berucap di Majlis Jelajah Prihatin Nelayan.

Antara kementerian yang terlibat adalah MAFI, Kementerian Kewangan (MoF), Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Ekonomi), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MoSTI), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Ke-

menterian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), Kementerian Pengangkutan (MoT), Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) serta Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC).

Bertujuan untuk memperkasakan sektor pertanian dan industri makanan demi menjamin sekuriti makanan negara kita, jawatankuasa tersebut mahu mempertimbangkan lima kertas yang merangkumi pelbagai strategi untuk memperkukuh sektor agromakanan negara berlandaskan peningkatan pengeluaran domestik, perluasan teknologi moden dan pengurangan kebergantungan kepada import.

Kesungguhan tersebut dapat dilihat melalui program-program pelaksanaan rantaian makanan seperti Jelajah Prihatin Ne-

layan, Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan (PLKPK), Program Agropreneur Muda dan lain-lain lagi.

Baru-baru ini, Timbalan Menteri, Dato' Che Abdullah Mat Nawi dalam program Jelajah prihatin Nelayan menyampaikan cek Elaun Sara Hidup bernilai RM2.4 juta yang diberikan secara bulanan kepada 923 nelayan di Kampung Sendi, Kota Kinabalu.

Beliau turut menyampaikan Projek Khas Perumahan Nelayan berjumlah RM540,000 kepada 36 orang nelayan, Pakej Ransangan Ekonomi 2.0 (PRIHATIN) bernilai RM150,000 kepada PNK Kota Kinabalu dan RM20,000 untuk Program Tanaman Kontan yang membantu 20 orang penerima.

Sementara itu pada Khamis lalu, beliau dalam Majlis Pecah Tanah Pusat Pemprosesan Buah-buahan Sabah di Kompleks Pemasaran FAMA Sabah, turut me-

nyaksikan 'Flag-off' Percubaan Eksport Buah-buahan Eksotik Sabah ke Semenanjung Malaysia seperti tarap, bambangan, pameo dan binjai.

Percubaan eksport buah-buahan tersebut bertujuan untuk mempromosikan buah-buahan eksotik Sabah kepada masyarakat Malaysia terutamanya penduduk di Semenanjung Malaysia dengan kerjasama Pos Malaysia.

Pusat Pemprosesan Buah-buahan Sabah yang dijangka siap pada Ogos 2022 ini akan memberi kemudahan dan persediaan kepada golongan sasar dan membantu mereka dalam memasarkan hasil pertanian serta mengelakkan daripada berlakunya lambakan.

Selain itu, beliau turut menyampaikan sumbangan kepada 30 golongan asnaf dan B40 terpilih yang terkesan akibat pandemik Covid-19 untuk menerima Bantuan Kit Makanan Ag-

ropreneur Muda selain menyampaikan RM100,000 Geran Agropreneur Muda kepada 7 penerima yang terpilih usahawan yang mengusahakan produk-produk seperti bakeri, tapai, kuih tradisional dan sebagainya.

Dalam kunjungan beliau ke MAHA 2020 #Sabah, kata Che Abdullah, satu produk menarik yang tidak dijumpai di Semenanjung dan dilancarkan adalah jus buah bambangan yang dihasilkan oleh MARDI dan mempunyai rasa masam-masam manis.

Pelbagai aktiviti-aktiviti serta program-program menarik berkenaan pertanian dilakukan demi memastikan rakyat Malaysia menerokai hasil yang boleh dijadikan sebagai inovasi dan pendapatan buat masyarakat.

Malah, melalui program-program sedemikian juga, rakyat dapat menerima maklumat serta info-info yang diperlukan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/9/2020	HARAKAH	ENGLISH SECTION	27

Allowance increase shows govt's concern

KUALA LUMPUR- Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin's announcement that the government will raise the living allowance for fishermen back to RM300 from RM250 a month reflects its concern for the welfare of the group.

National Fishermen's Association (Nekmat) general manager Azrin Shah Ismail said the announcement was good news for fishermen, especially coastal fishermen who were mostly affected by the spread of COVID-19.

"The ones that are most affected are the fishermen in the areas enforced by the Enhanced Movement Control Order (EMCO).

"Yes they can go out to the sea, but they can only market the fish in EMCO areas. Fish mongers from outside will have the difficulty entering the EMCO areas," he said.

Azrin Shah said the increase in the allowance would also help fishermen to cover their monthly expenses including to purchase basic goods and their children's school items.

Meanwhile, in Pasir Putih, more than 700 fishermen in Bachok and Pasir Puteh were grateful to the prime minister for the increase in the allowance.

Bachok Fishermen's Association chairman Saripuddin Ishak said the announcement had brought relief to fishermen in the area.

"The increase is very meaningful for us because at the moment we can rarely go out to the sea due to the uncertain weather conditions," he said.

Semerak Fishermen's Association chairman Zahari Samat said the increase could help lessen the financial burden of more than 100 fishermen in the area.

Muhyiddin, who announced the reinstatement Sept 17, said the allowance was slashed by the Pakatan Harapan government, which Parti Warisan Sabah was part of.

"I would like to announce that we are reinstating it (to the previous amount)," he said to loud applause when speaking at the launch of the Bukit Huma Padi Fertiliser and Pesticide Subsidy Scheme at Dataran Bagandang here.

The scheme, among others, offers assistance in the form of grants, allowances, breeding schemes and zakat to eligible farmers, livestock breeders and fishermen to help improve their standard of living.

It involves agencies like the National Farmers Organisation (Nafas), Fisheries Development Authority of Malaysia (LKIM), Farmers Organisation Authority (LPP) and Agrobank.

The allowance is included in the scheme for the benefit of 7,581 fishermen in Sabah.

The scheme also covers the Breeders Income Scheme Incentive involving an allocation of RM1.73mil, which will benefit small- and medium-scale ruminant and

➔ Continued on page 27

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/9/2020	BERITA HARIAN	NASIONAL	4

82 usahawan ditawarkan pembiayaan RM5 juta



Che Abdullah (kanan) bersama Pengarah Urusan A K Puyuh Emas Enterprise, Abdul Khairan Firdaus ketika melawat pusat jualan produk serunding puyuh selepas Majlis Perasmian Pusat Jualan Produk Hiliran di Ladang Ternakan A K Puyuh Emas di Kampung Tirok Gual Ipoh, semalam.

(Foto BERNAMA)

Tanah Merah: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menawarkan pembiayaan sebanyak RM5 juta kepada 82 usahawan di seluruh negara tahun ini menerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP).

Timbalan Menteri, Datuk Che Abdullah Mat Nawi, berkata antara saluran kerajaan membantu usahawan ialah Program Tabung Pembangunan Usahaniaga Peladang (TPUP) untuk meningkat dan memantapkan usahawan peladang yang mempunyai jaringan perniagaan dengan LPP.

"Pembiayaan di bawah TPUP antara lain bertujuan meningkatkan bilangan usahawan peladang yang menghasilkan produk memenuhi tahap piawai tempatan dan boleh memasuki pasaran antarabangsa," katanya selepas me-

rasmikan Pusat Jualan Produk Hiliran Ladang, Kampung Tirok, Gual Ipoh di sini, semalam.

Che Abdullah berkata, kementerian melalui LPP sentiasa memberikan khidmat nasihat dan bimbingan kepada usahawan peladang untuk lebih berjaya dalam projek diusahakan.

"Kementerian Pertanian dan Industri Makanan melalui Lembaga Pertubuhan Peladang, AgroBank dan pelbagai jabatan serta agensi lain di kementerian ini komited memberi bantuan serta kemudahan pinjaman supaya lebih ramai pengusaha terutama anak muda menceburi bidang pertanian dan industri makanan.

"Tahun ini, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan juga menerima RM50 juta untuk Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) dan RM400 juta untuk PENJANA (Pe-

lan Jana Semula Ekonomi Negara)," katanya.

Terdahulu, Che Abdullah berkata, usahawan terutama dalam bidang pertanian dan perladangan perlu lebih berdikari dengan tidak semata-mata mengharapkan bantuan kerajaan," katanya.

"Usahawan mesti mempunyai kemahiran berdikari kerana ia platform untuk mereka berjaya. Kerajaan faham bidang pertanian ialah bidang yang susah dan bahaya. Oleh itu, kita sentiasa menyediakan pakej bantuan kepada usahawan.

"Bantuan kerajaan hanya cara mempercepatkan dan membuka jalan untuk membantu usahawan memperoleh kejayaan, manakala selebihnya mereka (usahawan) itu sendiri perlu berdikari dan lebih kreatif," katanya.

BERNAMA

JPV anjur kempen cegah hawar berdarah

Oleh **HIDAYAH AZLIN**

KUALA TERENGGANU: Sebelum ini Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) menawarkan program pen-vaksinasi bagi mencegah hawar berdarah kepada penternak di negeri itu.

Hebahan dibuat melalui surat kepada Majlis Pengu-rusan Komuniti Kampung (MPKK), notis di kedai-kedai, khutbah Jumaat dan kakitangan JPV melakukan tinjauan di kampung-kampung.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani Dan Pembangunan Desa negeri, Dr Azman Ibrahim ber-

kata, wabak hawar berdarah yang berlaku sekarang mem-buka mata semua pihak.

“Saya minta JPV memberi khidmat yang terbaik kepada rakyat. Kerjasama penternak juga dimohon kerana kakitangan JPV tidak mampu hendak kejar dan tangkap setiap lembu untuk dicucuk vaksin,” katanya di sini.

Baru-baru ini media melapor-kan kerbau yang dipeli-hara keluarga Khamis Jusoh di Kampung Banggol Katong, Serada, mati secara ber-peringkat sejak Rabu lepas.

Kejadian itu disedari penternak terbabit selepas seekor kerbaunya mati. Dan keesokan harinya beber-

apa ekor lagi kerbau mati. Difahamkan lebih 30 ternakan milik Khamis mati.

Dr Azman juga berkata, tindakan segera pegawai dan kakitangan JPV Terengganu berjaya menyelamatkan baki kerbau Khamis, daripada dijangkiti wabak hawar berdarah.

Katanya ternakan milik Khamis yang diserang wabak hawar berdarah diberi perhatian segera kerajaan negeri dan JPV.

Kata beliau tindakan di-ambil dengan melaksanakan kerja-kerja menyelamatkan terhadap ternakan yang masih tinggal.

“Hari menjelang senja kakitangan JPV bertung-kus-lumus bekerja untuk menyelamatkan baki kerbau yang masih hidup.

“Sebahagian besar dijangkiti bawar berdarah. Pada tahap ini pemberian vaksin tiada fungsi lagi. Vaksin berkesan sebagai pencegahan sebelum dijangkiti.

“Jasa dan bakti mereka layak dihargai walau pelbagai cemuhan terpaksa mereka terima dan hadapi. Terima kasih semua,” ujarnya.



Kakitangan Jabatan Perkhidmatan Veterinar menyuntik kerbau sehingga lewat petang.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/9/2020	BERITA HARIAN	NASIONAL	20



Muhammad Syukur memberi makan kerbau yang dikuarantin di Kampung Kubang Bujuk, Kuala Terengganu, semalam.
(Foto Ahmad Rabiul Zulkfli/BH)

54 kerbau tunjuk perubahan positif

Kuala Terengganu: Baki 54 kerbau milik keluarga Muhammad Syukur Khamis atau 'Mowgli Malaysia' menunjukkan tindak balas positif terhadap suntikan antibiotik diberikan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV).

Abang Muhammad Syukur, Muhamad Alias, 30, berkata, setakat ini tiada kerbau yang mati, malah ternakan itu tidak menunjukkan tanda berpenyakit hawar berdarah (HS).

Katanya, mereka sangat bersyukur selepas kerbau terakhir yang mati pada Sabtu minggu lalu dengan jumlah keseluruhan ternakan yang mati adalah 56 ekor sejak 9 September.

"Inisiatif JPV Terengganu mencucuk antibiotik ke atas baki ternakan kami menunjukkan perubahan positif ke atas setiap kerbau yang tinggal," katanya ketika ditemui semalam.

Katanya, mereka adik-beradik menguruskan kerbau bermula jam 6.30 pagi dan memberi makan seperti biasa.

Bagaimanapun, kos makanan kerbau meningkat kepada RM500 sehari berikutan ia masih dalam tempoh kuarantin dan tidak dibenar lepas bebas.

Sementara itu, Muhammad Syukur, 15, berkata, dia sentiasa berdoa supaya semua baki ternakannya pulih.

"Tiada kerbau yang mati sekarang dan ia memberi kelegaan. Kami sudah lama bersedih dengan kematian ternakan sebelum ini dan berharap tidak menempuhnya lagi," katanya.

Kerbau milik keluarga itu perlu dikuarantin selama 28 hari bermula 15 September lalu bagi mengelakkan penularan penyakit HS dan pemantauan dilakukan setiap masa.

Sebelum ini, Pengarah JPV Terengganu, Dr. Mohd Termizi Ghazali dilaporkan berkata, pemberian antibiotik kepada ternakan yang masih hidup adalah jalan terakhir untuk menyelamatkan kerbau berkenaan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/9/2020	UTUSAN MALAYSIA	FORUM	18

Bertabahlah Muhammad Syukur

SAUDARA PENGARANG.

KISAH adik Muhammad Syukur Khamis yang terpaksa berdepan kehilangan 36 ekor haiwan ternakan milik keluarganya dipercayai akibat penyakit hawar berdarah amat menyayat hati.

Sedangkan kita yang mendengar kisah ini juga tersentuh dan tidak dapat membayangkan kesedihan yang terpaksa ditanggung oleh Muhammad Syukur.


Terbayang gambar-gambar dia bersama kerbau-kerbaunya yang tular sebelum ini serta berjaya memenangi beberapa anugerah dalam seni fotografi seperti kategori Imej Asia 2018 oleh Asian Geographic bagi kategori Jalanan atau Orang Terbaik serta pemenang peringkat Asia bulanan bagi Ogos 2020.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu, Dr. Mohd. Termizi Ghazali memberitahu penyakit hawar berdarah mula dikesan pada 9 Ogos lalu di Kampung Tuman, Marang memabitkan kematian 22 ekor kerbau dan 15 lembu milik 13 penternak.

Inilah dugaan yang dihadapi oleh Muhammad Syukur sekeluarga yang bukan sahaja kerugian hampir RM200,000 tetapi kehilangan 'sahabat baik'.

Doa saya agar Muhammad Syukur dan keluarga tabah menghadapi dugaan ini dan semoga kejadian itu tidak berulang lagi serta penawar dapat ditemui.

HARTINI HALIM
Dungun, Terengganu



MUHAMMAD Syukur Khamis tidak dapat menahan kesedihan apabila kehilangan 'sahabat baik', namun reda dengan ujian yang menimpa diri dan keluarganya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/9/2020	HARIAN METRO	LOKAL	18

Kuala Terengganu: Seorang peraih haiwan ternakan ditahan penguat kuasa Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu ketika cuba memindahkan dua kerbau miliknya ke kawasan lain, kelmarin.

Lori tiga tan dipandu lelaki berusia 50 tahun itu ditahan di tepi kedai makan di Kampung Batu Hampar, Manir di sini, jam 11.50 pagi.

Penahanan lori itu dijalankan mengikut Subseksyen 36 (1) Akta Binatang 1953, Kawasan Kawalan Penyakit Kuku dan Mulut dan Penyakit Hawar Berdarah kerana melakukan pemin-

Peraih haiwan pindah ternakan tanpa kebenaran ditahan

dahan, tanpa kebenaran Pengarah JPV Terengganu.

Pengarahnya Dr Mohd Termizi Ghazali berkata, pihaknya menerima maklumat terbabit daripada orang awam sebelum menjalankan risikan dan rondaan ke kawasan itu seterusnya membuat tangkapan berkenaan.

"Saya difahamkan peraih haiwan ternakan itu kerap melakukan kesilapan sama sebelum ini, malah sudah pernah diambil tindakan.

"Malangnya, dia (peraih)

tidak pernah serik dan tetap mengulangi kesilapan sama biarpun pada musim penyakit hawar berdarah (HS) menular sekarang.

"Dalam musim penyakit HS sekarang, kesalahan seperti itu tidak boleh dimaafkan biarpun pemindahan berkenaan dibuat dalam jarak dua kilometer

sahaja di dalam kampung sama kerana risikonya terlalu tinggi,"

katanya ketika dihubungi, semalam.

Termizi berkata, kes diasas mengikut Warta Kerajaan Negeri Terengganu, Perintah di Bawah Subseksyen 36 (1) Akta Binatang 1953, Kawasan Kawalan Penyakit Kuku dan Mulut dan Penyakit Hawar Berdarah

Tr.P.U.10, dan jika sedikit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM15,000.

Beliau menasi-

hatkan semua peraih, penternak atau peniaga haiwan ternakan di kawasan Marang dan Kuala Terengganu supaya mematuhi arahan serta larangan memindah ternakan dikeluarkan JPV dalam usaha membendung penularan penyakit HS di Terengganu.

Katanya, kesalahan seperti itu membuatkan kes penyakit berjangkit seperti HS, kuku dan mulut cepat merebak ke kawasan lain serta sukar dikawal.

"Kami tidak akan ber-

kompromi dengan mana-mana penternak, peraih atau peniaga ternakan yang melanggar arahan ditetapkan itu.

"Kami prihatin terhadap nasib penternak, bimbang penyakit HS dan penyakit berjangkit yang lain merebak seterusnya menjangkiti ternakan mereka.

"Sekiranya penyakit itu tidak dikawal lebih awal, penyakit berjangkit seperti HS akan menular dan lebih ramai penternak akan mengalami kerugian," katanya.

Kerap lakukan kesilapan sama sebelum ini, pernah diambil tindakan

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/9/2020	HARIAN METRO	LOKAL	18

Oleh Ahmad Rabiul Zulkiffi
am@hmetro.com.my

Kuala Terengganu

'Lega, tiada kerbau mati'

Baki ternakan keluarga Mowgli Malaysia disuntik antibiotik tunjuk petanda positif

Usaha Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu memberikan suntikan antibiotik ke atas kerbau milik keluarga Muhammad Syukur Khamis, 15, atau lebih dikenali sebagai Mowgli Malaysia menunjukkan petanda positif apabila tiada kerbau mati, semalam.

Muhamad Alias Khamis, 30, berkata, dia bersyukur melihat perubahan positif

terhadap 54 baki kerbau yang masih tinggal.

"Kerbau terakhir mati pada Sabtu iaitu seekor dan tiga pada Jumaat sebelumnya menjadikan 56 kerbau mati sejak 9 September lalu.

"Setakat pagi ini (semalam) tiada kerbau mati, malah kerbau yang mempunyai tanda-tanda penyakit pun tiada.

"Inisiatif JPV menyuntik antibiotik menunjukkan perubahan positif ke atas kerbau," katanya ditemui di kandang kerbaunya, semalam.

Menurutnya, dia bersama adik-beradiknya menguruskan kerbau di kandang itu seawal jam 6.30 pagi hingga 1 pagi setiap hari.

Katanya, mereka menghabiskan masa sepenuhnya di kandang kerbau setiap hari

dan baki kerbau itu diuruskan seperti biasa termasuk memberi makan rumput.

Sementara itu, Muhammad Syukur berkata, dia sentiasa berdoa supaya semua baki ternakannya pulih daripada penyakit Haemorrhagic Septicaemia (HS) atau hawar berdarah itu.

"Tiada kerbau mati sekarang dan ia memberi kelegaan kepada kami sekeluarga.

"Kami sudah lama bersehid dengan kejadian itu dan berharap tiada lagi kerbau mati selepas ini.

"Kerbau itu perlu dikuarantin dalam 28 hari bermula 15 September lalu bagi mengelakkan penularan penyakit HS dan pemantauan haiwan ternakan pada setiap masa," katanya.

Menurutnya, berikutan itu timbul masalah apabila kos

makanan untuk ternakan dikuarantin itu adalah RM500 sehari.

Katanya, ia berbeza berbanding sebelum ini apabila ternakan boleh dilepas bebas untuk mencari makanan sendiri selain pemberian makanan sampingan di kandang.

Harian Metro sebelum ini melaporkan kerbau Mowgli Malaysia itu diberikan suntikan antibiotik oleh JPV Terengganu.



MUHAMMAD Syukur memberi makan kepada kerbau yang dikuarantin di kandang milik keluarganya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/9/2020	BERITA HARIAN	BISNES	37

Agrobank anjur hari terbuka bantu pelanggan

Agrobank menganjurkan hari terbuka di semua 136 cawangannya di seluruh negara sehingga 23 September ini untuk membantu pelanggan yang masih berdepan kesukaran pembayaran balik pembiayaan.

Ya susulan tempoh moratorium enam bulan akan berakhir pada 30 September.

Pemangku Tugas Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Khadijah Iskandar berkata pelanggan yang terjejas digalakkan untuk mengambil peluang ini dan mengunjungi Agrobank dan mereka akan dipertimbangkan mendapat bantuan daripada bank berkenaan.

“Moratorium enam bulan yang akan berakhir pada 30 September ini tidak akan mengurangkan komitmen Agrobank terhadap pelanggan kami kerana ia adalah komitmen jangka panjang bank ini.

“Sehubungan itu, pada hari terbuka itu, kami menggalakkan pelanggan Agrobank mengunjungi mana-mana cawangannya di seluruh negara bagi mengadakan perbincangan secara bersemuka untuk memahami mengenai pilihan bantuan pembayaran itu bertujuan membantu mereka dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) ini,” kata Khadijah. **BERNAMA**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/9/2020	HARIAN METRO	BISNES	22

Hari terbuka Agrobank

Kuala Lumpur: Agrobank akan mengadakan hari terbuka di semua 136 cawangannya di seluruh negara pada Rabu, 23 September ini untuk membantu pelanggan yang memerlukan bantuan berkaitan lanjut pembayaran balik pembiayaan mereka selepas tempoh moratorium selama enam bulan berakhir 30 September ini.

Penanggung Tugas Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Khadijah Iskandar berkata, pelanggan yang terjejas digalakkan mengambil kesempatan ini untuk datang ke bank bagi membincangkan bantuan atau pertolongan yang sesuai bagi pembiayaan

peribadi atau perniagaan mereka.

“Penamatan moratorium automatik selama enam bulan bagi seluruh industri pada 30 September tidak bermakna Agrobank akan melepaskan komitmen kami dalam menyediakan perkhidmatan pembiayaan optimum kepada pelanggan dalam jangka panjang.

“Pada hari terbuka ini, kami menggalakkan pelanggan datang ke mana-mana cawangan Agrobank di seluruh negara kecuali di Alor Setar bagi mengadakan perbincangan secara bersemuka untuk lebih memahami pilihan bantuan pembayaran yang ada,” katanya.



KHADIJAH

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/9/2020	KOSMO	NEGARA	17



BURHANUDDIN (kanan) bersama sebahagian ahli KK4 yang secara sukarela menjayakan kebun komuniti dalam bandar di Putrajaya.

KK4 tanam cili, rock melon dalam bandar

PUTRAJAYA – Kesungguhan empat orang pesara berkebun secara kecil-kecilan membuahkan hasil selepas tanam buah rock melon yang diusahakan di Kebun Komuniti 4 (KK4) di Presint 14 di sini mendapat sambutan menggalakkan daripada komuniti setempat.

Pengerusi KK4, Burhanuddin Mohd. Ghazali berkata, kewujudan KK4 bermula pada tahun 2018 selepas dia bersama tiga orang rakan lain mengusahakan sebuah kawasan terbiar berhampiran kawasan perumahan mereka.

Bekas jurutera itu berkata, pada peringkat awal, tanaman diusahakan dalam skala kecil namun melihatkan sambutan penghuni sekitar Presint 14, Perbadanan Putrajaya (PPj) telah mengambil inisiatif mewu-

judkan KK4.

“Asalnya pada tahun 2016, kami menanam sayur dan ulam untuk kegunaan sendiri dan jiran-jiran sahaja sebelum PPj memberi kebenaran untuk mengusahakan kebun ini pada tahun 2018,” katanya.

Burhanuddin berkata, KK4 yang mempunyai keluasan 609 meter persegi mempunyai pelbagai jenis tanaman termasuk tanaman utama iaitu buah rock melon dan cili.

“Rock melon dan cili sesuai ditanam secara berselang-seli untuk memutuskan rantaian penyakit yang menyerang pokok rock melon.

Katanya, harga jualan buah rock melon KK4 lebih rendah berbanding iaitu RM7.50 sekilogram. Harga pasaran mencecah RM9.50 sekilogram.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/9/2020	KOSMO	NEGARA	18

Bina tukun guna tayar terpakai

Oleh **MASTURAH SURADI**

KOTA TINGGI - Sebanyak 10 buah tukun yang dihasilkan daripada tayar lori terpakai dilepaskan di perairan Sungai Panchor di sini dalam usaha meningkatkan populasi hidupan marin di sepanjang sungai berkenaan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Johor Lama, Rosleli Jahari berkata, inisiatif dilakukan Kelab Rekreasi Dan Sejarah Kampung Makam Kota Tinggi (Resam) itu dijangka mampu menyediakan 'padang pancing' yang boleh menarik minat kepada kaki pancing untuk datang ke kawasan itu.

"Kita mahu lihat usaha ini kelak dapat menjana pendapatan nelayan serta pengusaha bot sewa di kawasan ini.

"Usaha ini juga dapat memulihara hidupan akuatik di sungai ini dan merupakan tanggungjawab sosial yang wajar dicontohi oleh komuniti setempat," katanya selepas merasmikan Pelancaran Tukun Merdeka di Anjung Resam Kampung Makam kelmarin.

Turut hadir, Pengerusi RESAM, Saiful Bahar Mohd Yunus, Pengerusi Kumpulan Nelayan Kampung Makam, Abdul Rahim Sampir dan Ahli Lembaga



ROSLELI (dua dari kiri) melepaskan tukun yang dibina daripada tayar lori terpakai di Sungai Panchor, Kota Tinggi kelmarin.

Pengarah Persatuan Nelayan Pengerang, Ramli Harun.

Rosleli berkata, Sungai Johor sepanjang 122.7 kilometer turut meliputi sebahagian kawasan DUN Johor Lama dan menyediakan sumber rezeki kepada pelbagai jenis hidupan marin.

Jelasnya, antara hidupan marin ialah ikan, siput gonggong, belangkas dan udang galah sekali gus memberi peluang ekonomi buat kira-kira 200 nelayan di sungai Kampung Makam, Kampung Tembiuh, Pasak, Kampung Panchor, Kampung Johor Lama dan

Telok Sengat.

"10 tukun daripada tayar lori terpakai ini dibina oleh ahli-ahli Resam secara gotong-royong dengan perbelanjaan sendiri.

"Semua kawasan perairan yang diletakkan tukun berkenaan akan dipantau dan direkod peningkatan populasi spesies hidupan laut berkaitan setiap tiga bulan oleh pihak kelab dan nelayan.

"Ya bagi memastikan matlamat pembinaan tukun-tukun tersebut berhasil dan boleh menjadi rujukan pihak-pihak lain," katanya lagi.

Oleh MOHD. SHAZWAN YUSOP

SELEPAS menamatkan pengajian peringkat diploma dalam jurusan Pengurusan Penerbangan di Kolej Pengurusan Penerbangan pada Oktober tahun lalu, Mohd. Nazirul Mohd. Jals mengalami kesukaran mendapatkan pekerjaan.

Rentetan itu, pemuda berusia 26 tahun tersebut mengambil keputusan untuk berjinak-jinak dengan penanaman nanas jenis MD2 di atas tanah milik keluarganya di BT55, Jalan Maran-Jerantut, Pahang.

Bermula sebagai hobi mengisi lapang ketika menunggu majlis korvokesyen, ladang nanas MD2 yang diusahakan sejak setahun lalu itu ternyata tidak mengecewakan.

Menerusi ladang nanas MD2 seluas 0.6 hektar tersebut, dia berjaya meraih pendapatan lumayan setiap kali dituai.

"Saya mula terlibat dengan pertanian atas dasar terpaksa selepas gagal mendapatkan pekerjaan. Jadi, saya memilih untuk mengusahakan tanah terbiar milik keluarga ini.

"Selepas setahun, ladang ini berjaya menghasilkan buah berkualiti yang mampu menjana pendapatan," katanya ketika dihubungi baru-baru ini.

Menariknya, Mohd. Nazirul terlibat dalam bidang pertanian tanpa sebarang asas atau pengetahuan mengenai pengurusan ladang nanas MD2.

Jelas anak kedua daripada empat adik-beradik itu, segala ilmu dan pengetahuan mengenai pokok dan pengurusan ladang nanas MD2 diperolehi menerusi Google dan YouTube.

"Saya akui pada peringkat awal, tidak tahu langsung menguruskan ladang ini. Namun disebabkan minat, saya sanggup mencari maklumat di internet.

"Pelbagai ilmu berkaitan pokok dan penjagaan ladang MD2 diperolehi menerusi internet seperti pengatiran, pembajaan dan kawalan penyakit," terang pemuda yang masih belum berumah tangga itu.

AHLI keluarga Mohd. Nazirul turut membantu kerja-kerja di ladang.



Raih pendapatan lumayan tanam nanas



MOHD. NAZIRUL berjaya mengusahakan ladang nanas di BT55, Jalan Maran-Jerantut.

Mohd. Nazirul yang juga anak jati Kuantan memaklumkan, pada peringkat permulaan, di memurjam wang sebanyak RM50,000 daripada ahli keluarga sebagai modal permulaan.

Jelasnya, Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) turut membantu dengan memberi 17,000 anak pokok nanas bagi penanaman kali pertama.

"Modal peringkat awal digunakan untuk membuat saliran, membeli baja, membina stor penyimpanan dan

membeli peralatan pertanian seperti cangkul serta pam racun.

"Saya amat berterima kasih kepada pihak LPNM kerana memberi bantuan dalam bentuk anak pokok nanas MD2," ujarnya.

Mengulas lanjut, Mohd. Nazirul berkata, dia memilih untuk menanam nanas MD2 disebabkan harganya yang stabil, selain mendapat permintaan tinggi dalam pasaran.

Jelasnya, nanas MD2 adalah komoditi kedua terbanyak yang mendapat permintaan tinggi di pasaran dalam negara dan seberang laut selepas durian Musang King.

"Satu kilogram (kg) nanas MD2 dijual pada harga RM4 dengan berat sebiji adalah sekitar 2 kg.

Satu ekar ladang mampu menghasilkan sebanyak 15,000 biji nanas dengan tempoh penanaman adalah selama 10 bulan," jelasnya yang mengusahakan ladang tanpa bantuan pekerja.

Buat masa ini, lelaki berjiwa besar itu menjual sendiri hasil nanas MD2 kepada pelanggan dengan membuka gerai jualan di tepi jalan.

Katanya, ia lebih menguntungkan kerana harga buah tidak dimanipulasi oleh orang tengah, sekali gus menjejaskan pendapatan.

"Setiap pokok matang boleh menghasilkan empat anak pokok yang boleh dijual pada harga RM1.50 sepokok," ceritanya.

Kongsi Mohd. Nazirul lagi, pokok nanas MD2 sangat mudah dijaga kerana



Kalau tanam pokok 17,000, mungkin hanya 15,000 sahaja yang akan kekal. Selebihnya mungkin tidak menjadi, diserang penyakit atau dirosakkan oleh kera."

MOHD. NAZIRUL

tidak memerlukan penyiraman kerap.

Bagaimanapun, dia cuma bimbang kerana ladang nanasnya sering diserang penyakit atau haiwan rosak.

Ujarnya, apabila berlaku serangan penyakit, dia terpaksa membuang pokok rosak agar tidak berjangkit dengan pokok-pokok lain.

"Kalau tanam pokok 17,000, mungkin hanya 15,000 sahaja yang akan kekal. Selebihnya mungkin tidak menjadi, diserang penyakit atau dirosakkan oleh kera," tegasnya.

Meskipun telah mempunyai ladang sendiri, namun jauh di lubuk hati Mohd. Nazirul, dia menyimpan hasrat untuk mengejar cita-citanya dalam bidang penerbangan.

Katanya, dia sangat berharap untuk mendapat kerja tetap dan ladang tersebut diusahakan secara sambilan atau menggaji seorang pekerja.

"Buat masa ini, saya fokus kepada ladang terlebih dahulu. Lagipun sektor penerbangan ketika ini terjejas teruk akibat pandemik Covid-19," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/9/2020	HARAKAH	ENGLISH SECTION	25

Allowance increase shows govt's concern

From page 25



poultry breeders.

There is also the Young Agropreneur Grant involving an allocation of RM2.94mil for the benefit of 182 entrepreneurs, as well as the Coffee Industry Development Project Incentive with an allocation of RM556,000.

Muhyiddin said the government was aware of the hardship faced by fishermen, breeders and farmers, especially as the country continued to grapple with the Covid-19 pandemic.

"I hear and understand the difficulties faced by the fishermen community during this challenging time. I hope this increase in allowance will ease your burden to

a certain extent," he added.

The Prime Minister also stressed that the Perikatan Nasional government had taken appropriate measures relating to the assistance given to all quarters, including those in the agricultural sector, to ensure economic stability in the country.

"Our economy almost collapsed due to the problems we are facing.

"That is why the government acted in such a way (in giving assistance), including in the agricultural sector, so that our economy will not collapse and the people will not suffer," he said.

Muhyiddin added that with the

government's capability, Malaysia was able to handle the Covid-19 outbreak to the extent of being recognised as one of five countries in the world to have succeeded in controlling the spread of the disease.

"This (Covid-19) is something that has never happened in the history of Malaysia or anywhere else in the world.

"It is still a problem in every part of the globe, including here in Malaysia.

"But with our government's ability, Malaysia has at least reached the highest level in the effort to face and overcome the problems of Covid-19," he said.

Kerbau milik 'Mowgli Malaysia' diserang hawar berdarah

Oleh KHAIRUL AZLAM MOHAMAD

MARANG: Kerajaan Terengganu melahirkan rasa simpati dan dukacita dengan musibah yang menimpa keluarga penternak kerbau akibat penyakit Haemorrhagic Septicaemia (HS) atau hawar berdarah.

Tjuvan *Harakah* bersama Ahli Parlimen Kuala Terengganu, Ahmad Amzad Hashim dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Alor Limbat, Arifin Deraman ke Kampung Banggol Katong, menyaksikan sendiri kerbau-kerbau yang mati itu.

Lebih mengemparkan lagi, kesemua kerbau yang mati itu milik keluarga Muhammad Syukur Khamis atau dikenali sebagai 'Mowgli Malaysia' yang terkenal seluruh negara.

Justeru, Ahmad Amzad mengingatkan kepada para penternak agar mengambil perhatian dan cakna terhadap haiwan ternakan masing-masing.

Ini kerana, katanya memberi isyarat dan amaran bahawa penyakit hawar berdarah ini sangat merbahaya kepada haiwan ternakan. Menurutnya, penyakit itu boleh merebak dengan pantas jika tidak dibendung atau mengawasi dengan baik.

"Saya pun risau tengok keadaan di sini, kerana kerbau-kerbau telah keluar dari kandang dan bercampur dengan kerbau-kerbau mana pun tak tahu.

"Saya ingin memberi pesanan bahawa penyakit hawar berdarah ini adalah penyakit yang sangat merbahaya kepada haiwan. Ianya, sudah lama tidak berlaku keadaan seperti ini.

"Penyakit ini cepat merebak dan saya minta para penternak lain supaya memantau haiwan masing-masing dengan baik. Jadi, jika perlu kuarantin dan



Amzad menemui Muhammad Syukur OdrD yang dikenali sebagai 'Mowgli Malaysia' di kandang kerbau milik keluarganya.

sebagainya ikutlah arahan tersebut," ujarnya.

Bellau berkata demikian kepada pemberita ketika mengunjungi ke kandang kerbau milik Khamis Jusoh di Kampung Banggol Katong / Kubang Bujuk, Alor Limbat, 16 September lalu.

Sehubungan itu, katanya kerajaan akan mengambil perhatian serius bagi membendung penularan penyakit haiwan tersebut.

"Kalau di MOSTI, jika berhubung dengan vaksin Covid-19 itu dibawah pamanau MOSTI, dan begitu juga jika ada isu berkaitan dengan sahs yang perlu diberikan perhatian oleh MOSTI berhubung dengan wabak (hawar berdarah) ini.

"Ianya (kerbau) berkait dengan Industri penternakan, yang merupakan sesuatu yang besar impaknya kepada negara," ujarnya.

Sehubungan itu, kata bellau telah menghubungi Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Dato Che Abdulah Mat Naw'i bagi menjelaskan tentang wabak tersebut.

"Saya sudah hubungi Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Che Lah (Abdulah) dan bellau terkejut kerana sudah lama kes (hawar



Notis 'Amaran' orang ramai dipasang pada pagar kandang milik penternak Khamis Jusoh akibat penyakit haiwan 'hawar berdarah'.

berdarah) ini tidak berlaku, sekaligus saya nyatakan harapan supaya penternak ini dibantu," jelasnya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan dan Teknologi Maklumat negeri, Arifin Deraman berkata, kerajaan negeri akan membantu para penternak yang ditimpa bencana kerugian.

Katanya, bantuan melalui Tabung Bencana akan digunakan dalam kes-kes seperti bencana alam, bencana ternakan ikan dan lain-lain.



ADUN Alor Limbat, Ustaz Arifin memberi kata-kata semangat kepada Pak Khamis yang kematian 50 ekor kerbauanya akibat hawar berdarah.

"Kami dari kerajaan negeri akan cuba bantu sekuat yang mampu. Kita juga sudah hantar pegawai-pegawai dan tengoklah macam mana boleh kita bantu Pak Khamis ini.

"Kita (kerajaan) ada tabung bencana dan isu-isu yang berkait dengan ternakan ini atau pelbagai bencana. Apa yang kerajaan negeri boleh bantu, insya-Allah.

"Saya yakin akan ada bantuan yang akan diberikan nanti dan memang kerajaan bantu tetapi tidak sepenuhnya atau 100 peratus ganti kerugian itu," ujarnya kepada media, di sini.

Bellau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Alor Limbat berkata, setakat hari ini sudah 50 ekor kerbau milik keluarga Syukur ini telah mati dalam tempoh seminggu.

Ustaz Arifin berharap agar keluarga Pak Khamis dapat bersabar dengan ujian ini dan terimalah musibah dengan reda.



Ahmad Amzad ketika ditemui pihak media bertanyakan mengenai kematian mengejut kerbau milik keluarga 'Mowgli Malaysia'.



"SAVU" - Ustaz Arifin melihat kerbau-kerbau milik Pak Khamis yang mati akibat wabak hawar berdarah.



Amzad menunjukkan seekor kerbau kesayangan Syukur yang dinamakan 'Semak'.



Khamis menceritakan mengenai kejadian berbesarnya mati kepada Ahli Parlimen Kuala Terengganu, Ahmad Amzad Hashim.



Ustaz Arifin, Pak Khamis dan Syukur bersama kerbau yang bernama 'SAVU'.